

TULISAN JAWI: PEMIKIRAN PENYAIR DALAM PUI SI MELAYU MODEN DARI PERSPEKTIF TEORI SPB4K

ANI HAJI OMAR

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

PENDAHULUAN

Mengikut sejarah, penggunaan tulisan Jawi ada kaitannya dengan kedatangan agama Islam ke alam Melayu. Hashim Haji Musa (1999:1) menyatakan tulisan atau skrip Jawi berasal daripada skrip Arab yang sampai ke kepulauan Melayu bersama-sama dengan kedatangan agama Islam. Siti Hawa Haji Salleh (1997:10) menyatakan pembukaan Melaka pada awal abad ke-15 menyediakan era baharu bagi perkembangan kesusasteraan Melayu. Islam yang telah pun tiba lebih awal dan bertapak di Pasai menjadikan agama tersebut lebih pesat perkembangannya. Kedatangan Islam ke daerah ini membawa perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu dan yang lebih pentingnya agama Islam telah membawa bersama-samanya pembaharuan daripada segi penulisan. Dengan bertambahnya kepentingan Melaka sebagai pusat pemerintahan kerajaan Melayu, penyebaran agama Islam juga ikut menjadi bertambah pesat. Pengembang-pengembang agama Islam berjaya menyebarkan agama baharu itu pada peringkat awalnya secara lisan dan praktis. Tetapi apabila agama itu sampai pada tahap perkembangan yang lebih tinggi dan canggih, ternyata ia memerlukan bahan-bahan bacaan dan rujukan kerana tidak semuanya dapat disampaikan melalui lisan semata-mata. Besar kemungkinan tulisan Jawi terus diajar kepada penganut-penganut baharu agama Islam kerana perlakuan ibadat seperti sembahyang dan berdoa memerlukan pembacaan dan penghafalan ayat-ayat suci al-Quran. Untuk mempelajari surah-surah, walau yang

pendek sekalipun, seseorang perlu mengetahui dan menguasai tulisan Jawi. Apa yang lebih penting, ia perlu mengetahui tulisan Jawi untuk membaca al-Quran.

Mengikut Adi Yasran (2007), sejak kebelakangan ini terdapat usaha daripada pelbagai pihak untuk menghidupkan semula tulisan Jawi yang telah pun 'mati' pada 29 Januari 2006 apabila terhentinya penerbitan akhbar *Utusan Melayu Mingguan*. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata;

"...penutupan penerbitan akhbar *Utusan Melayu Mingguan* seharusnya dipandang sebagai satu kematian kepada warisan bangsa kerana tulisan Jawi adalah satu pusaka warisan bangsa yang telah menjadi skrip rasmi dan lidah Melayu selama lebih 600 tahun. Katanya, masyarakat Melayu tidak seharusnya cuma berpeluk tubuh melihat tulisan Jawi menghilang dari ufuk budaya dan persoalan berat ini menuntut penyelesaian daripada orang Melayu sendiri...jika peredaran zaman menjadi alasan sehingga bangsa Melayu tidak lagi berminat dengan tulisan Jawi, bukan sahaja budaya Melayu akan terjejas malah perpaduan Melayu juga tidak akan tercapai..." (*Utusan Malaysia*, 9 Feb 2006)

Kenyataan di atas menggambarkan bahawa salah satu faktor kemerosotan tulisan Jawi ialah kurangnya minat dalam kalangan orang Melayu sendiri. Minat sememangnya tidak boleh dipaksa tetapi boleh dipupuk, terutama melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi secara yang lebih berkesan adalah syor paling utama yang telah dikemukakan oleh Rais Yatim pada mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di PWTC pada 27 Februari 2006 yang lalu (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan) (KEKKWA).

PENYAIR DAN PUISI

Untuk melihat penyuaran penyair terhadap tulisan Jawi melalui puisi Melayu moden kita kenali dahulu penyair dan puisi. Sehubungan dengan itu didapati pelbagai kegiatan seni yang disertai dengan puisi, ternyata begitu mendalam kesannya terhadap pembentukan jiwa masyarakat Melayu, dan masyarakat manusia umumnya. Oleh hal yang demikian perkataan 'puisi' masih kekal dihubungkan dengan sesuatu yang indah, mulia dan bagus. Penghubungan sedemikian rupa jelas mencerminkan bahawa puisi adalah hasil ciptaan yang tinggi nilai seninya. Hakikat ketinggian nilainya itu pernah disuarakan oleh para peneliti dan para pengkritik puisi dalam pelbagai tanggapan. Dharmawijaya (1998:10) yang memetik pendapat Henry Guntur Tarigan menyatakan "orang yang menutup telinga terhadap puisi akan terpencil dari suatu wilayah yang penuh harta kekayaan berupa

pengertian manusia, pandangan perseorangan, sensitiviti yang menonjol; oleh itu upaya yang dituntut untuk memahami serta menghayati puisi menjadi sama pentingnya dengan upaya yang dituntut oleh setiap bentuk kehidupan manusiawi lainnya." Dengan pendapat atau tanggapan yang disuarakan ini sudah cukup untuk menunjukkan bahawa ketinggian serta keistimewaan kedudukan nilai seni puisi terletak pada penciptaannya yang mengandungi kekayaan pemikiran dan kehalusan perasaan. Kedua-dua keistimewaan ini terjalin dalam bahasa yang dipilih serta disusun secara harmonis. Dengan begitu, puisi akan lebih cenderung mengambil sifat untuk menggambarkan sesuatu dan bukan menerangkan atau menghuraikan. Sehubungan dengan sifat ini ialah bahasa puisi tidak pula selalunya sekadar menjadi alat menyampaikan keterangan sejelas mungkin dalam satu tafsiran, tetapi seperti yang ditegaskan oleh Ralph Waldo Emerson: "prinsip puisi adalah membawa makna atau erti sebanyak mungkin dalam kata-kata sedikit mungkin". (Jacob Sumardjo, 1984:72) Penegasan ini dapat difahami bahawa puisi memberi keluasan dan kedalaman pengetahuan melalui kepadatan atau keterbatasan kata-kata. Serentak dengan itu puisi juga turut memberi semangat tertentu, menggerakkan sesuatu dalam diri pembaca, mendorong keupayaan pembaca mengembangkan imaginasi dan kekayaan fikirannya.

Rumusannya benarlah pendapat Coleradge yang mendefinisikan puisi sebagai 'kata-kata terbaik dalam susunan yang terbaik' Mathew Arnold pula mengatakan puisi adalah kritikan terhadap masyarakat berlandaskan syarat yang ditetapkan oleh kebenaran, keindahan dan kekuatan. Para sarjana kesusasteraan tanah air pula seperti Dharmawijaya mengatakan puisi adalah pengucapan perasaan dan pemikiran yang kreatif dan imaginatif. Pendeta Za'ba pula mengatakan puisi sebagai karangan yang digunakan untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah. Demikianlah penyair dan puisi adalah sebahagian daripada kehidupan mereka. Puisi yang dicipta dengan keindahan dan gaya bahasa yang menarik, adalah ilham daripada suara hati dan pemikiran penyair. Semua yang digarap adalah bersifat realiti dan kadangkala semacam satu nostalgia untuk direnungkan bersama.

TEORI SISTEM PEMIKIRAN BERSEPADU 4K (SPB4K)

Apabila menganalisis puisi daripada sudut pemikiran penyair, teori pemikiran SPB4K adalah relevan untuk diaplikasikan. Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) adalah janaan Mohd Yusof Hasan. Pemikiran adalah kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk berbagai-bagai tujuan dalam kegiatannya. Akal adalah organ yang sangat penting bagi kehidupan manusia. Ia adalah organ pertama yang mula-mula dicipta oleh

Tuhan dalam usia enam hari selepas benih lelaki dan benih perempuan bertemu dalam rahim ibunya. Akal adalah bentuk fizikal, manakala minda adalah proses penggunaan akal atau pemikiran. Pemikiran berasal daripada perkataan fikir atau *think*. Daripada perkataan itu lahir perkataan berfikir, memikir, terfikir, pemikiran, pemikir dan sebagainya. Pemikiran bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan mengambil keputusan untuk kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia. (Mohd Yusof Hasan, 2007)

Terdapat banyak teori tentang minda yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh Barat. Mereka banyak membuat penyelidikan secara saintifik yang memakan masa lama, pemerhatian yang teliti dan percubaan yang berulang kali. Tokoh-tokoh Barat yang membuat teori tentang minda seperti Roger Sperry dan Howard Gardner. Roger Sperry menghasilkan teori *split-brain* dari penyelidikan saintifiknya. Ia menyatakan bahawa otak atau minda kita ini terbahagi kepada dua hemisfera: *left-brain hemisphere* dan *right-brain hemisphere*. Hemisfera otak kiri "hoki" mempunyai kemampuan sains dan teknologi manakala hemisfera otak kanan atau "hoka" mempunyai kemampuan seni dan kreativiti. Howard Gardner mengemukakan teori *multiple intelligences* atau 'kepelbagaian-kepintaran'. Katanya, manusia ini dianugerahkan lapan kebijaksanaan *logical-mathematical, spatial, bodily-kinaesthetic, linguistic, musica, interpersonal, intrapersonal* dan *naturalistic-environmental*. Hasil dari tiga sumber, iaitu Islam, Barat dan Malaysia, terbinalah sebuah modul pemikiran yang dipanggil Pemikiran 4K iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kekreatifan dan pemikiran kesaintifikan. Setiap satu akan dijelaskan seperti berikut:

- i) Pemikiran Kerohanian ialah pemikiran ketuhanan, keimanan, keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan.
- ii) Pemikiran Kebitaraan ialah pemikiran kecemerlangan, kegemilangan dan kebijaksanaan.
- iii) Pemikiran Kesaintifikan ialah pemikiran kebenaran, kepastian, ketepatan dan kesahihan.
- iv) Pemikiran Kekreatifan ialah pemikiran kreativiti, keindahan, kecantikan dan kesempurnaan.

Daripada modul pemikiran 4K dapat membentuk satu teori atau satu paradigma pemikiran yang dipanggil SPB4K atau sistem pemikiran bersepadu 4K: Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan. Maksudnya, Pemikiran Kerohanian ialah kemahiran keagamaan; Pemikiran Kebitaraan ialah kemahiran akal atau minda; Pemikiran

Kesaintifikan ialah kemahiran sains dan teknologi; dan Pemikiran Kekreatifan ialah kemahiran seni dan kreativiti. Dalam kemahiran kerohanian, seseorang mempelajari Islam berdasarkan Al-Quran dan Hadis serta aspek akidah, ibadah, muamalah dan akhlak. Kemahiran Kebitaraan pula ialah kajian ke atas otak secara lahiriah atau bentuk fizikal serta formula kecemerlangan minda. Kemahiran Kesaintifikan membawa kepada unsur ketepatan, kebenaran serta sains dan teknologi. Begitu juga kemahiran kekreatifan yang membawa kepada unsur kreativiti.

Mengikut Mohd. Yusof Hasan, teori yang dikemukakan ini adalah diambil dari tiga sumber falsafah ilmu dan pendidikan iaitu Falsafah Ilmu dan Pendidikan Islam, Falsafah Ilmu dan Pendidikan Barat, Falsafah Ilmu dan Pendidikan Kebangsaan Malaysia. Tegasnya, tiga sumber tersebut adalah dari Islam, Barat dan Malaysia iaitu tiga sumber epistemologi Melayu.

Falsafah Ilmu dan pendidikan itu pula sesuai dengan dwi peranan manusia sebagai hamba Allah S.W.T. dan khalifah sesama manusia melalui tuntutan Ilmu Naqli – *revealed knowledge* dan Ilmu Aqli – *acquired knowledge*. Mengikut beliau lagi Islam diambil kerana kepentingan ilmunya, Barat kerana teori mindanya, dan dari Malaysia kerana kepentingan *survival* Melayu atau epistemologi Melayu dalam membentuk jati diri bangsa. Sumber dari Barat iaitu teori minda hasil daripada penyelidikan sains dan teknologi seperti yang telah dilakukan oleh Roger Sperry, Howard Gardner dan Edward de Bono, melengkapkan sumber teori SPB4K dengan pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan. Melalui pemikiran-pemikiran ini, kajian mengenai kecenderungan, kapasiti, peranan, fungsi dan keupayaan otak manusia khususnya tentang hoka (pemikiran kekreatifan) dan hoki (pemikiran kesaintifikan) yang dilakukan oleh sarjana-sarjana dari Barat telah memberi sumbangan yang bererti. Teori minda ini juga berkaitan dengan falsafah ilmu dan pendidikan Barat iaitu teori Bloom dengan taksonominya yang dibahagikan kepada '*cognitive domain*' yang mementingkan minda, '*affective domain*' yang mementingkan kerohanian, dan '*psychomotor domain*' yang mementingkan jasmani. Teori Bloom ini berkaitan dengan pembentukan manusia yang seimbang dengan pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan.

Pemikiran kerohanian adalah pemikiran keagamaan yang membawa ke arah manusia soleh atau solehah. Pemikiran kebitaraan adalah pemikiran kecemerlangan yang membawa ke arah manusia sarjana. Pemikiran kesaintifikan adalah pemikiran kepastian yang membawa ke arah manusia saintis. Pemikiran kekreatifan pula adalah

pemikiran kreativiti yang membawa ke arah manusia seniman. Konsep bersepadu adalah penting dalam teori ini kerana keempat-empat "K" itu mestilah disepadukan atau secara *intergrated* untuk melahirkan manusia yang holistik dan seimbang. Dalam diri seseorang manusia itu, perlu ada sifat-sifat soleh, solehah, sarjana, saintis dan seniman secara bersepadu. Sumber Islam, Barat dan Malaysia melahirkan teori pendidikan pemikiran SPB4K (sistem pemikiran bersepadu 4K Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan). Teori SPB4K ini adalah teori pendidikan yang cuba menerapkan konsep-konsep dalam ad-dinul Islam, teori minda Barat dan cara-cara hidup masyarakat majmuk Malaysia untuk melahirkan insan yang soleh dan solehah, sarjana, saintis dan seniman sekali gus dan bersepadu.

Pemikiran Kebitaraan ialah pemikiran tentang kemampuan manusia berfikir daripada peringkat dalam rahim semasa berusia enam hari, kemudian dilahirkan, sehinggalah kepada usia enam tahun. Peringkat ini amat penting dalam pembangunan minda manusia, iaitu sekitar kelahirannya, sebelum dan sesudah lahir daripada usia enam hari kepada enam tahun. Pemikiran kesaintifikan ialah sejenis pemikiran yang berdasarkan ilmu-ilmu pasti, ilmu sains dan ilmu matematik. Pemikiran jenis ini memerlukan bukti dan hujah. Pemikiran kekreatifan pula ialah pemikiran yang tidak mementingkan logik, fakta atau kebenaran. Pemikiran jenis ini mementingkan kreativiti, imaginasi, rekaan dan khalayak semata-mata. Pemikiran kerohanian merupakan fikiran yang suci, luhur dan tinggi martabatnya. Pemikiran ini berhubung dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah. Ajaran Islam teramat luas bidang ilmunya yang tidak ada tolak bandingnya. Terdapat dua puluh sifat yang wajib bagi Allah, dua sifat yang mustahil dan satu sifat yang harus. Sifat itu dapat dibahagi kepada satu sifat nafsiah, lima sifat salbiah, tujuh sifat makni dan tujuh sifat maknawiyah. Pada Allah ada empat puluh satu sifatnya. Pada Nabi Muhammad s.a.w. pula terdapat empat sifat yang wajib iaitu siddiq, amanah, tabliq dan fatanah, empat sifat mustahilnya dan satu sifat harusnya. Jadi sifat-sifat Allah S.W.T. dan Nabi Muhammad s.a.w. berjumlah lima puluh semuanya. Pemikiran kebitaraan khususnya untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Islam mementingkan asas kekeluargaan ini yang bermula daripada perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, pengajaran pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan pada masa kanak-kanak.

Allah menegaskan bahawa anak itu adalah amanah dan anugerah Allah kepada ibu bapa. Nabi Muhammad s.a.w. juga menegaskan bahawa anak itu suci dan putih bersih,

terpulanglah kepada ibu bapa untuk membentuk dan mencorakkannya. Adat Melayu sendiri mementingkan proses pendidikan usia muda ini dengan petua-petua dan pantang larangnya sebagai asas pendidikan pada masa dewasa. Kejadian manusia bermula dengan otaknya yang terlebih dahulu daripada organ-organ lain. Ini berlaku dari hari yang keenam dalam kandungan ibu apabila benih suami dan benih isteri bertemu. Oleh sebab itulah proses kejadian organ otak itu perlu diberikan perhatian yang serius, tetapi hal ini tidak disedari oleh ibu bapa dan masyarakat. Sebenarnya, bayi yang dilahirkan itu ialah genius, tetapi dalam usia yang awal itu kita merosakkan genius itu sendiri. Anak itu sebenarnya mempunyai banyak potensi untuk berkembang tetapi ibu bapa yang menyekat perkembangan itu.

Dalam komunikasi sehari-hari di antara manusia dalam penulisan dan pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu juga menggunakan ilmu sains dan teknologi. Misalnya, seorang penulis karangan, esei, artikal atau buku akademik perlu banyak menggunakan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan sains dan teknologi supaya boleh dipercayai oleh pembaca. Ilmu sains dan teknologi membantu kita melahirkan pemikiran yang jelas untuk penulisan atau penuturan. Penaakulan atau pemikiran ialah proses ke arah pencapaian penaakulan tadi. Jadi proses ilmu sains ini boleh dijelaskan seperti berikut: Kesaintifikan dan teknologi ialah proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea, fakta atau keputusan. Sains dan teknologi berkaitan dengan ilmu logik iaitu keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penaakulan yang berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan konkrit. Selepas menyedari betapa pentingnya pemikiran kesaintifikan atau logik dalam komunikasi sehari-hari ia dapat membantu dan mudah difahami definisi konsep semasa menulis atau bertutur. Sekiranya komunikasi itu dipenuhi dengan sesuatu keputusan yang tidak dapat dipertanggungjawabkan, orang tidak akan dipercayai isi kandungan penulisan dan pertuturan.

Bagi kemungkinan mengadakan sebuah teori pendidikan dan penghayatan kesusasteraan Melayu moden, pengkaji mengambil tiga sumber falsafah ilmu dan pendidikan, iaitu falsafah ilmu dan pendidikan Islam, falsafah ilmu dan pendidikan Barat, falsafah ilmu dan pendidikan kebangsaan Malaysia. Falsafah ilmu dan pendidikan itu pula sesuai dengan dwiperanan manusia sebagai hamba Allah dan khalifah sesama manusia melalui tuntutan ilmu naqli. Mengikut teori minda dan pemikiran Barat, akal manusia terbahagi kepada dua hemisfera, iaitu hemisfera otak kiri yang berkemampuan pada sains dan teknologi dan hemisfera otak kanan yang berkemampuan pada seni

dan kreativiti. Kesusasteraan adalah hasil karya pemikiran pengarang yang dicetuskan daripada hoki dan hoka dalam bentuk prosa dan puisi sebagai gambaran atau cerminan masyarakat untuk dihayati oleh para khalayaknya. Berdasarkan tiga falsafah ilmu dan pendidikan, dwiperanan manusia, teori-teori moden minda Barat, dan fungsi karya sastera, maka pendidikan kesusasteraan perlu mengadakan suatu teori untuk memahami dan menghayati hasil kesusasteraan sama ada dalam bentuk novel, cerpen, sajak atau drama. Teori pradigma pendidikan kesusasteraan, sama ada dalam aspek intrinsik atau ekstrinsik, perlu berdasarkan empat jenis pemikiran pengarang dan pembaca: pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan.

Rumusannya Allah S.W.T. menuntut manusia supaya menggunakan akal fikiran. Justeru itu, berfikir adalah sesuatu yang menjadi tuntutan dan seharusnya dilakukan oleh manusia dalam setiap aktiviti dan tindak tanduk yang dilakukan. Namun demikian, manusia selalunya tidak mahu menggunakan akal dengan sewajarnya, lebih mengikut telunjuk hawa nafsu terutama untuk kepentingan diri sendiri. Sejarah telah membuktikan bahawa tamadun sesuatu bangsa itu telah bangun dan runtuh akibat daripada penyalahgunaan minda atau pemikiran manusia itu sendiri. Begitu juga dengan kebangkitan tamadun-tamadun dan pemikiran bangsa-bangsa yang maju juga akan menghadapi masalah pengurusan dan pentadbiran menghadapi wawasan jika manusia di dalamnya tidak menggunakan minda dengan sewajarnya untuk menjadikannya seorang manusia insan khamil dan boleh dicontohi oleh manusia yang lain. Teori SPB4K mengajak masyarakat, penyair, pengarang, puisi, karya, dan khalayak supaya menghadapi cabaran dunia globalisasi dalam akidah kepercayaan (kerohanian), kehebatan minda pemikiran (kebitaraan), kehebatan sains dan teknologi (kesaintifikan), dan kehebatan seni dan kreativiti (kekreatifan). Teori ini mengajak seseorang menjadi manusia saleh (kerohanian), manusia sarjana (kebitaraan), manusia saintis (kesaintifikan), dan manusia seniman (kekreatifan) secara bersepadu. Dengan persediaan ini, seseorang mampu dan selesa menghadapi dunia e-ekonomi, k-bisnes, dan pelbagai fenomena yang melanda dunia tanpa sempadan kini. Secara tidak langsung penulis akan menggunakan keempat-empat unsur ini demi membina kehidupan berlandaskan addin dijunjung, minda dicemerlangkan, sains dimartabatkan, dan seni tulisan Jawi diapresiasi sepanjang zaman. Penulis akan mengaplikasikan teori ini untuk melihat perspektif penyair melalui puisi-puisi yang dicipta dan mengungkap keadaan sebenar yang berlaku terhadap tulisan Jawi dalam kehidupan dunia masa kini supaya dapat direnungkan dan dijadikan iktibar demi memartabatkan tulisan Jawi di persada tanah airnya sendiri.

PEMIKIRAN PENYAIR TERHADAP TULISAN JAWI DALAM PUISI MELAYU MODEN

Huraian kertas kerja ini akan menyingkap pemikiran penyair terhadap tulisan Jawi dalam puisi yang dicipta. Puisi-puisi tersebut adalah daripada beberapa orang penyair yang telah menempa nama di persada puisi tanah air dan tidak ketinggalan juga yang masih muda. Antaranya ialah A.Samad Said dengan puisi kanak-kanak daripada kumpulan puisi *Rindu Ibu* berjudul "Huruf". Zainal Abdul Kadir juga mengutarakan puisi kanak-kanak berjudul "Pulang Adik Pulang". Dalam *Antologi Puisi Karyawan Darul Khusus* dua buah puisi memperkatakan tentang tulisan Jawi iaitu daripada Nisah Haron dengan puisi "Cinta Ibu Jari" dan daripada Ida Munira Abu Bakar dengan puisi berjudul "Kehilangan". Dalam *Antologi Puisi Manuskrip Luka Bangsa* terdapat beberapa buah puisi yang menyatakan tentang tulisan Jawi antaranya ialah "Langkah Terakhir Seorang Pejuang Kecil" karya Ariff Mohamad, "Suara dari Dinding Madrasah" karya A.Samad Said, "Hakikat Bahasa" karya Awang Sariyan, "Melayu" karya Baha Zain, "Titian:Kedaulatan Jiwa Bonda" karya Ibrahim Ghaffar, "Bahasa Jiwa Bangsa" karya Ismas Saring, "Penggerak Hikmah" karya Mahaya Mohd Yassin, "Bahasa Sejarah" karya Marsli NO, "Anak Muda Berjulung Tekad" karya Mohamad Khalid Hamzah, "Deklarasi Generasi Munsyi" karya Nasriah Abdul Salam, "Seraut Tinta, Semerbak Setinggi" karya Nimoiz T.Y, "Mereka yang di Hadapan Kita" karya Sabrunizam Abdul Talib, "Lewat Musim Bersemi Sengsara" karya Shamsudin Othman, "Manuskrip Luka Bangsa" karya Shukri Abdullah, "Sang Algojo Itu" karya Sutung Umar RS, "Membaca Merdeka" karya Zaifulnizam Waginan, "Mahkota Tergadai" karya Mohamad Saleeh Rahamad dan "Bunga Retorika" karya Kemala. Jumlah keseluruhan puisi yang dikaji adalah 23. Beberapa buah puisi akan dipilih untuk dihuraikan mengikut teori SPB4K. Perinciannya seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1

| Bil. | Sumber | Karya | Jumlah Puisi |
|------|--|--------------------------|--------------|
| 1. | Kumpulan puisi <i>Rindu Ibu</i> (2006) | A. Samad Said | 1 |
| 2 | Kumpulan puisi <i>Jasa Ibu</i> (2007) | Zainal Abdul Kadir | 1 |
| 3 | Antologi puisi karyawan Muda Darul Khusus <i>Epal Merah</i> (2007) | Nisah Haron (peny.) | 2 |
| 4 | Antologi puisi <i>Manuskrip Luka Bangsa</i> (2006) | Rahimidin Zahari (peny.) | 17 |
| 5 | <i>Utusan Melayu</i> (Feb. - Mac 2005) | Agus Salim | 3 |
| | | Jumlah Puisi | 24 |

Sasterawan Negara A.Samad Said, penulis dan penyair mapan yang cukup prolifik di tanah air kita, telah mengetengahkan pelbagai jenis puisi. Bagi penyair Zainal Abdul Kadir pula percubaannya untuk menulis puisi kanak-kanak amatlah membanggakan. Kedua-dua penyair ini telah menunjukkan keperihatinan terhadap tulisan Jawi melalui puisi kanak-kanak agar ia disemai sejak daripada rebung lagi. Ini telah dibuktikan melalui puisi kanak-kanak yang dicipta. Melalui puisi "Huruf" A.Samad Said telah menyarankan supaya pengajaran kepada-kanak seharusnya dimulakan dengan tulisan Jawi. Maksud ini jelas seperti yang diungkapkan dalam puisi tersebut seperti berikut:

Barisan
Alif-ba-ta
Landasan
Untuk baca;
Terkesan
Jagat raya
Dan akhirat
Bahagia.

Sesuai dengan Pemikiran Kerohanian iaitu sejenis pemikiran yang tinggi martabatnya, fikiran jenis ini adalah suci murni dan berdasarkan ketauhidan, keimanan dan ketakwaan. Pemikiran ini juga merupakan pemikiran keagamaan yang berhubung kait dengan unsur-unsur ghaib dan ketuhanan. Melalui pemikiran ini Zainal Abdul Kadir menyarankan supaya kanak-kanak terus dibimbing dengan mengajar mengaji dan sembahyang bermula daripada mengenal huruf Jawi alif-ba-ta, ini kerana ia adalah asas utama dalam kehidupan umat Islam di atas muka bumi ini. Perkara ini jelas dalam puisi "Pulang Adik Pulang" yang digambarkan seperti rangkap berikut;

Pulang adik pulang
Senja sudah menjelang
Ke surau bersama abang
Kita pergi sembahyang

Mengaji adik mengaji
Belajar di rumah Tok Aji
Setelah makan nasi
Kita mengulangkaji

...

Puisi adalah sebahagian daripada genre sastera. Sastera kanak-kanak pula adalah sastera sejagat. Sastera kanak-kanak seharusnya mencerminkan cara hidup dan cara berfikir kanak-kanak. Karya yang dihasilkan untuk mereka membantu pertumbuhan intelek, sahsiah dan emosi mereka. Matlamat menghasilkan sastera kanak-kanak antara lain ialah untuk menambah pengalaman dan pengetahuan dan seterusnya membantu pertumbuhan peribadi agar mereka tahu erti kehidupan dan kemanusiaan pada peringkat yang masih muda. Sastera kanak-kanak khususnya puisi boleh membantu kemahiran berbahasa dan tahu nilai budi serta nilai-nilai murni seterusnya. Selain itu pula kanak-kanak dapat membina daya imaginasi dan kreativiti.

A.Samad Said melalui pemikiran kerohanian dan kebitaraannya telah menyuarakan pemikiran tersebut melalui puisi "Suara dari Dinding Madrasah" yang termuat dalam antologi *Manuskrip Luka Bangsa* seperti berikut:

Aku tidak marah kau mencekau dinding madrasah
Mencungkil atau mengganti langsir lebih berbunga;
Anak-anak memang merindui iklim penuh makna
Tidak juga kubantah kau simeni retak lantai rumah
Memolekkan sekeliling dan mempercantikkan taman seada
Anak-anak amat memerlukan kebijaksanaan orang tua
Tapi, kau merangsang mereka mengenehi rehal,
Mengganti mugaddam dengan kamus barat yang tebal,
Memuja dunia dan mereputkan kesetiaan sebangsa
Sanubari anak telah dicerobohi sedemikian lukanya

...

Dalam mengejar kemajuan, hakikat jati diri yang melambangkan keimanan dan ketakwaan kepada Tuhan jangan dilupakan. Gelombang globalisasi telah menghakis segala yang diwarisi sebelum ini. Ibu dan bapa harus memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak. Mereka harus dididik bukan sahaja ilmu duniawi tetapi juga dengan ilmu akhirat nanti, iaitu dengan mengajar mengaji mukadam dan Al-Quran. Ini sudah tentu permulaannya dengan mengenal huruf Jawi. Seterusnya rangkap akhir puisi tersebut penyair menyeru kepada semua pihak agar sama-sama memelihara dan mengimarahkan semula surau, madrasah dan masjid supaya dapat dihidupkan semula pengajaran tulisan Jawi di tempat-tempat tersebut. Dengan pemikiran kerohanian penyair telah mengungkapkannya seperti berikut;

Aku impi jujur kau serahi muqaddim dan sejadah
Menghadiah selautan pasir dan segunung batu bata,
Bersama khalayak dapatlah kita perbanyak madrasah,
Kemudiannya berkhotbah tentang bahagia-lara ummah
Pernah terjajah, merdeka, tergugat, kini terdera,
Aku ingin kita sentiasa menghargai sekolah agama,
Berfikir dan berazam selari meluhuri suci aqidah
Apa yang kupinta demi lestarinya sanubari Islami,
Memelihara madrasah dan Jawi yang mulai dilupai-

...

Seperti yang telah dijelaskan pemikiran kebitaraan ialah pemikiran kecemerlangan dan kebijaksanaan. Berdasarkan pemikiran ini beberapa buah puisi telah menggambarkan kebijaksanaan pemikiran penyair umpamanya puisi "Melayu" karya Baha Zain, perhatikan rangkap berikut;

Mana perginya Semenanjung Tanah Melayu?
Ke mana lepasnya Pulau Temasik itu?
Berapa helai tinggalnya Utusan Melayu?

...

Jadi tak malukah mengaku 'kita orang Melayu'

Sebagai orang Melayu yang sayangkan warisan tinggalan nenek moyang seharusnya kita generasi yang mewarisi menjaga, mempertahankan dan terus mengemilangkan apa yang sudah menjadi sebagai khazanah bangsa. Ini termasuklah akhbar *Utusan Melayu*, satu satunya akhbar berbahasa Melayu tulisan Jawi. Dalam mengejar kemajuan, orang Melayu harus mempertahankan jati diri dan harus terus memelihara serta mengangkatnya tinggi ke peringkat global. Jika ini dapat dilakukan harta orang Melayu tidak akan hilang kerana sejarah telah membuktikan bahawa jika leka peristiwa seperti kehilangan Temasik (Singapura) suatu ketika milik bangsa Melayu akan tinggal kenangan. Dalam rangkap akhir puisi tersebut penyair menyarankan agar kita bertanggungjawab untuk melestarikan apa sahaja yang bernilai milik Melayu, supaya ia seiring dengan kemajuan di arena gelombang globalisasi masa kini;

Berdosakah kita bercakap tentang Melayu?
Berakar Melayu, Bernilai Universal
Bersumber wahyu, Bercitra global?

...

Penyair terus menyuarakan kekecewaan terhadap apa yang telah diwarisi, bakal hilang jika tidak berwaspada, umpamanya melalui puisi "Titian: Kedaulatan Jiwa Bonda" karya Ibrahim Ghaffar seperti berikut;

Malam bagai mantera para pujangga
Memahat kalimat di tugu kaca
Kelmarin cermin wajah retak sejuta
Kerana kata tidak dikota
Kerana akta tidak membela

Kerana jiwa tidak merdeka
Bonda bisu seribu bahasa
Lidahnyanya kelu, jiwanya hamba
Merengung titian menghitung hujung usia

Titipkan papan pusaka dan paku sebatang
Titian kita sudah semakin usang
Setelah dimamah sisa usia panjang
Menanggung runtun rentetan jiwa juang
Yang tumpas kian kecundang

...

Kita ke titian membujur jalur
Merawat luka bangsa yang jujur

Jika tidak dipelihara dan terus dimartabatkan, tulisan Jawi akan mati dan terus tidak dikenali oleh anak cucu di masa akan datang. Demikianlah nasib bangsa yang terluka namun pernah gemilang dengan tulisan Jawinya suatu ketika sebagai sumber ilmu dan penyampai maklumat. Nisah Haron melalui puisi "Cinta Ibu Jari" telah mengungkapkan bagaimana tulisan Jawi digunakan dalam warkah cinta di antara teruna dara dahulu kala dengan bait kata yang indah berseni, ia amat berbeza masa kini di mana semua kata-kata bukan sahaja tidak lagi berseni malah disampaikan melalui mesej ringkas dan cepat tidak lagi perlu menulis dalam huruf yang berseni iaitu tulisan Jawi. Itulah antara perbezaan yang begitu ketara di antara dahulu dan kini iaitu surat yang menjadi penghubung jiwa, tulisan Jawi mengutus berita. Ini jelas seperti yang dirakamkan dalam rangkap-rangkap berikut;

i

Dahulu

Surat cinta terlakar indah

Penuh madah

Kasih terarah

Bersama mata pena

Dengan tinta biru warna

...

Pada setiap coretan kata

Ada makna untuk difikir

Ada rasa untuk ditafsir

Pada coretan

Ampuh seni

Sarat erti

ii

Kini

Cintamu belum beralih arah

Namun wadahnya jauh berubah

Penamu tidak mengukir kata rindu

...

Cuma aku tetap rindukan warkah cinta

Bila kau bingkis lengkap dengan sukma

Sedangkan pesanan ibu jarimu

Tidak mungkin dapat kusimpan

Sampai bila-bila.

Demikian ketinggian teknologi dengan terciptanya mesin taip atau komputer tidak dapat menandingi keindahan dan kesenian tulisan Jawi. Ia menjadi lambang yang abadi dan cukup ampuh jika dihayati. Pemikiran kebitaraan dan pemikiran kesaintifikan telah dapat diterokai oleh Nisah Haron melalui puisi tersebut dengan membuat perbandingan tulisan Jawi apabila mengirim warkah dengan kata-kata indah dan tulisan yang berseni dibandingkan dengan kata-kata ringkas dari mesin taip atau berhubung melalui komputer (email) sahaja. Seterusnya kegemilangan tulisan Jawi sebagai aksara bangsa suatu ketika turut dirakamkan oleh Ida Munira Abu Bakar melalui puisinya "Kehilangan" seperti berikut;

...

Antara sedar dan terleka
Hilang jasad bergantungan hiba
Hilang harta diraungkan cita
Hilang cinta paling derita
Semuanya mendinging ingat
Kita pernah memilikinya

Hilang yang ingin jumpa
Menyedat baru betapa berharga
Bila halimunan ia
Teruja rindu kesal bertandu
Tiadakan hilang syahdu
Biar sesudah suaranya berlalu

...

Di samping pemikiran sains, teknologi dan logik, satu lagi jenis pemikiran yang menarik, iaitu pemikiran kekreatifan. Pemikiran kekreatifan sangat berguna bagi pembinaan idea lama; pembaharuan dalam perkembangan produksi dan sistem pemasaran; penyelesaian masalah dan mengambil keputusan; mengkaji data daripada pelbagai sudut untuk mendapatkan maklumat yang berguna dan mencari jalan menyempitkan perbezaan pendapat dalam kalangan manusia dan konsep. Perkara ini bertepatan apabila dikaji pemikiran Agus Salim dalam tiga buah puisi beliau terhadap tulisan Jawi iaitu "Warisan", "Jawi dan Rumi" dan "Aksara Bumiputera". Perhatikan bagaimana tulisan Jawi tidak lagi dipedulikan setelah tulisan Rumi mendapat tempat;

Rumi yang mendapat pengiktirafan
Terus berarak ke puncak, tanpa ajak ayam
Kepada Jawi yang diketepi
Sesungguhnya Rumi lebih selesa
Bagi rakyat pelbagai bangsa
Lebih-lebih lagi bagi pemimpin tua

...

Manakala Jawi dihimpit ke tempat sempit
Kaki dan tangan pula dikapit
Tanpa peluang suara menjerit

Kini Jawi muncul di hujung minggu
Dengan bentuk kecil sahaja
Dia masih boleh berbangga
...

Terima kasih Al-Bukhari
Yayasan tuan menjana Jawi
Semoga pahala memakmur pertiwi

Melalui pemikiran kebitaraan dan pemikiran kesaintifikan iaitu pemikiran logik, Agus Salim telah dapat menyelongkar bagaimana tulisan Jawi harus dihidupkan semula, dan antara yang telah membela nasib tulisan Jawi serta akhbar *Utusan Melayu* daripada berkubur ialah Yayasan Al-Bukhari yang telah banyak menaja untuk tujuan membela nasib tulisan Jawi. Ini telah diterangkan dalam rangkap akhir puisi tersebut. Penyair Agus Salim terus menyuarakan keperihatinannya terhadap tulisan Jawi menerusi puisi beliau "Aksara Bumiputera" seperti berikut;

Semenjak zaman kerajaan Melayu Melaka
Kedatangan agama Islam berdasar sejahtera
Kata karya agung *Sejarah Melayu*
Semua bumiputera mengaji aksara Jawi
Terbukti lagi dengan Batu Bersurat Terengganu

Para ulama merakam ilmu guna aksara Jawi
Aksara Jawi monopoli akhbar dan majalah
Akhbar bernama Jawi peranakan
Akhbar bernama warta jenaka
Yang lama bernama *Utusan Melayu*
...

Apabila penjajah membawa aksara Rumi
Mereka membuka lorong pelbagai buruh
Yang mengguna aksara mereka sendiri
Aksara Jawi terhad kepada warga pertiwi
Walau aksara Jawi sudah kukuh seluruh

Cuma semasa zaman negara merdeka
Para pemimpin bijak pandai memijak
Aksara Jawi diketepi aksara Rumi di puncak
Usia pemimpin bukanlah lama menongkat dunia
Semakin tua semakin nyanyuk
Pelbagai aksara diguna bersama
Hampir Bumiputera kehilangan aksara
Siapa bakal tiba membela aksara Bumiputera

Demikian Agus Salim telah berfikir secara kreatif, bitara dan logik dalam menghuraikan hujah kedudukan manuskrip tulisan Jawi dahulu dan bagaimana ia tidak dipedulikan kini. Catatan sejarah telah membuktikan bahawa banyak buku Melayu yang terkenal bertulisan Jawi seperti buku *Sejarah Melayu*, *Taj al-Salatin*, *Hikayat Abdullah* dan lain-lain. Bahkan banyak juga kitab-kitab agama yang terkenal bertulisan Jawi telah disebarikan hingga ke Asia Barat terutama di Mesir dan Istanbul. Amat Johari Moain (1998) menyatakan akhbar dan majalah Melayu bertulisan Jawi mula diterbitkan ialah *Soerat Kabar Bahasa Malaijoe* di Surabaya, Jawa Timur di Padang dan di Sumatera Barat pada tahun 1865. *Jawi Peranakan* pula terbit di Singapura pada 1876. Bahkan ada akhbar Melayu yang terbit di Colombo, Sri Lanka, pada tahun 1869 iaitu *Alamat Langkapuri*. Sebelum itu telah terbit majalah Melayu bertulisan Jawi yang pertama iaitu *Bustan Ariffin* pada tahun 1821 di Melaka. Bahkan ada juga majalah Melayu yang terbit di Barat iaitu di Rotterdam, negeri Belanda. Judulnya ialah *Bintang Oetara* yang terbit pada tahun 1856 M. Demikianlah kegemilangan bahasa Melayu dimulai dengan tulisan Jawi sebagai permulaan kecerdikan bagi orang-orang Melayu suatu ketika dahulu menjadi sumber ilmu pengetahuan. Perhatikan juga puisi "Warisan" karya Agus Salim seperti berikut:

Zaman moden meriba pelbagai pancaroba
Ke muka anak-anak muda Bumiputera
Sehingga mereka lupa warisan bonda
...
Warisan bonda mula di istana
Tahun demi tahun menurut zaman
Sehingga penjajah menjarah harta
Menggeledah membawa pulang ke ibu negaranya
Ada yang pulang ke Lisbon

Banyak dibawa pulang ke Holland
Pun ada sampai ke London

...

Warisan bonda sebagai harta pusaka
Tersimpan di perpustakaan
Di universiti negara mereka
Warisan bonda dalam aksara Jawi
Menanti titisan Bumiputera meneliti
Apakah ilmu apakah pengajaran
Para cendekia mulia

Mengikut catatan sejarah setelah kedatangan Islam perkembangan tulisan Jawi mula menyusur daripada istana-istana raja seperti dalam zaman Melayu klasik ke dalam masyarakat umum dan mula memasyarakat dan merakyatkan orang Melayu. Namun demikian apabila berlaku penaklukan negara-negara rumpun Melayu oleh orang-orang Barat mereka bukan sahaja mencuri harta kekayaan bumi malah manuskrip-manuskrip bertulisan Jawi milik peribumi turut dibawa lari ke negara asal mereka seperti di Holand, Lisbon dan London. Warisan yang pernah dimiliki ini sangat penting sebagai bukti kegemilangan tamadun Melayu silam. Ketiadaan manuskrip ini telah merugikan generasi masa kini seperti yang terjadi ke atas tuntutan Batu Putih di antara Malaysia dan Singapura. Akibat kecuaiannya dan leka generasi terdahulu, generasi kini berputih mata kerana kehilangan harta warisan yang sangat berharga. Demikian pemikiran kreatif dan logik daripada penyair yang boleh disimpulkan dalam puisi-puisi ciptaan mereka khususnya tentang tulisan Jawi.

KESIMPULAN

Dengan adanya penyuaian penyair terhadap tulisan Jawi, diharapkan dapat menyedarkan khalayak betapa pentingnya tulisan Jawi di abad ini khususnya sebagai sumber ilmu. Ia harus direnungkan supaya langkah-langkah yang lebih drastik perlu diambil agar tulisan Jawi tidak lumpuh, bahkan ia semakin segar sebagai kuntum indah di taman persuratan orang-orang Melayu. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk memartabatkan tulisan Jawi, pokok pangkalnya semua pihak harus memainkan peranan penting. Melalui tulisan Jawi, umat Islam akan kembali ke pangkal kejadiannya di atas muka bumi ini dengan

mengikut ajaran daripada al-Quran dan al-Hadis yang sudah tentu bertulisan Jawi. Dengan menyebut alif, lam, dan mim ketika membaca al-Quran al-Karim akan mendapat 10 kebaikan bagi setiap satu huruf seperti disabdakan Nabi Muhammad s.a.w. bahawa al-Quran diturunkan sebagai kitab peringatan dan akan sentiasa dipelihara oleh Allah Yang Maha Kuasa seperti ditegaskan dalam ayat yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami-lah yang menurunkan al-Quran, dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya" (Surah al-Hijr:9). Dan setiap Muslim diwajibkan sembahyang lima kali sehari semalam manakala dalam sembahyangnya diwajibkan melafazkan perkataan khusus dalam bahasa Arab termasuk Surah al-Fatihah, di mana semuanya bermula dengan tulisan Jawi. Demikian antara pandangan penyair terhadap tulisan Jawi yang menjadi realiti dalam kehidupan masa kini. Penyuaan mereka telah dapat diungkap melalui pemikiran bersifat kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan secara bersepadu atau secara berasingan demi rasa keperihatinan terhadap nasib tulisan Jawi masa kini. Tulisan Jawi harus diperkasakan demi kegemilangan dan sebagai sumber ilmu pengetahuan serta menjadi panduan hidup sepanjang zaman terutama ilmu yang telah diwahyukan oleh Allah S.W.T menerusi kitab suci al-Quran al-Karim. Tanggungjawab ini harus dilaksanakan oleh setiap Muslim supaya bahagia hidup di dunia juga di akhirat nanti.

BIBLIOGRAFI

- A.Samad Said, 2006. *Rindu Ibu*. Kuala Lumpur: Wira Bukit.
- Abdul Razak Abdul Hamid, 1977. *Belajar Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Adi Yasran dan Arbak Othman, 2007. "Sistem Tulisan Jawi Berdasarkan Pendekatan Fonetik dan Fonologi". Artikel dalam Prosiding Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-3 2007. Pada 13-14 November 2007 di Dewan Persidangan Pusat Pendidikan Luar UPM. Adi Yasran Abdul Aziz (peny)
- Amat Johari Moain, 1998. *Sejarah Rumpun Bahasa Melayu*. Serdang: UPM.
- Antologi Puisi Karyawan Muda Darul Khusus, 2007. *Epal Merah*. Seremban: Persatuan Penulis Negeri Sembilan.
- Dharmawijaya, 1998. *Puisi Melayu*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Haji Musa, 1999. *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Hasan, 2007. *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.

Noraini Abu Bakar. "Memperkasa Tulisan Jawi di Wilayah Utara", dalam Majalah *Jendela Utara*, 20 Dis. 2007

Rahimidin Zahari, 2006. *Manuskrip Luka Bangsa*. Kuala Lumpur: PENA.

Siti Hawa Haji Salleh, 1997. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abdul Kadir, 2007. *Jasa Ibu*. Selangor: Salwa Tegap Niaga Seri Kembangan.

AKHBAR

Berita Minggu, 29 Jun 2008. Wan Faizal Ismayatim "Saya Jatuh Cinta Seni Tulisan Jawi". (Ruangan Dimensi)

Berita Minggu, 20 Ogos 2006. Johan Jaafar: "Realiti Baru Masyarakat Melayu" (Ruangan Rencana)

Utusan Melayu Mingguan (13-19 Mac 2005) Agus Salim "Aksara Bumiputera" (Ruangan Puisi)

Utusan Melayu Mingguan (30 Jan.-5 Feb 2005) Agus Salim "Jawi dan Rumi" (Ruangan Puisi)

Utusan Malaysia (7 Dis. 2006) Dr. Sidek Baba "Remaja Perlu Kembali Kepada Jiwa Umat Melayu" (Ruangan Agama)

Utusan Melayu (19 Mei 2008) "Pencapaian Jawi di Pendidikan Khas Masih Rendah" (Ruangan Semasa)